

BAB 6

PENGHAYATAN ETIKA KEAGAMAAN DALAM MENGHADAPI PANDEMIK COVID-19 DI MALAYSIA

Nur Azuki Yusuff

PENDAHULUAN

Penularan pandemik COVID-19 semenjak awal 2020 telah banyak merubah norma kehidupan masyarakat dunia. Malah perkara ini telah menyebabkan semua pihak mencari-cari formula ampuh yang boleh membawa semua rakyat dan masyarakat transnasional di Malaysia untuk terus mematuhi sepenuhnya SOP yang sepatutnya mereka hayati.

Penulisan ini terbahagi kepada tiga bahagian; melihat kepada perkembangan isu pematuhan PKP dalam mengatasi pandemik, etika dan cabaran kelestariannya serta strategi penghayatan etika keagamaan bagi menampakkan cerminan peradaban masyarakat Malaysia kini. Pengenalan berkaitan etika keagamaan akan dimulakan dengan melihat peranan etika secara umum dahulu.

PERKEMBANGAN ISU PEMATUHAN PKP DALAM MENGATASI MUSIBAH PANDEMIK COVID-19

Semenjak bermulanya PKP secara menyeluruh pada 18 Mac 2020 di Malaysia, pelbagai strategi telah dilakukan oleh pihak berkuasa tempatan. Antaranya mengadakan kempen kesedaran, amalan kebersihan yang tinggi, amalan penjarakan sosial, arahan pematuhan bersyarat dan perintah penguatkuasaan menyeluruh. Banyak *Standard Operating Procedure*